

Al-Quran, teknologi perkuat fakta, hujah

Gabungan dengan merujuk hadis nabi, mazhab, sarjana beri banyak manfaat

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Gabungan al-Quran dan teknologi mampu memperkuat dan memperjelaskan sesuatu fakta dan hujah dengan merujuk kepada hadis nabi, mazhab, sarjana serta saintis Islam dan bukan Islam, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

“Hubungan teknologi dan aga-

ma dipandang sebagai perhubungan roh dan jasad, selain saling menyempurnakan. Alam tabii perlu difahami, dikaji dan manusia beroleh manfaat daripadanya,” kata Perdana Menteri.

Berucap merasmikan penutupan Majlis Tilawah al-Quran Johan-Johan Kebangsaan Peringkat Kebangsaan Tahun 1443H bersamaan 2021, malam tadi, beliau mengambil contoh majlis tilawah berkenaan yang menggunakan teknologi ke arah kebaikan seiring prinsip Islam.

“Al-Quran dan teknologi tidak dapat dipisahkan. Ia adalah wahyu Allah SWT yang diturunkan sebagai petunjuk, agar manusia dapat membezakan antara hak dengan batil. Teknologi ialah penemuan berdasarkan cerapan dan kajian dilakukan manusia.

“Majlis ini menyaksikan tek-

nologi menghubungkan 26 qari dan qariah, johan kebangsaan dari seluruh negara yang bersiaran secara langsung dari 11 lokasi yang boleh disaksikan di pelbagai capaian media.

“Alunan ayat al-Quran dan ibrah huraian ayat pula dipancarkan kepada penonton menggunakan teknologi AR (*augmented reality*), menunjukkan Islam tidak pernah menghalang umatnya daripada memaksimumkan penggunaan teknologi dalam kehidupan,” katanya.

Ismail Sabri berkata, al-Quran adalah sumber intelektual dan spiritual Islam yang menjadi asas, bukan hanya bagi agama dan kerohanian semata-mata, tetapi semua cabang ilmu pengetahuan termasuk teknologi.

“Sumber utama bagi umat Islam adalah al-Quran, ia wahyu

“Al-Quran dan teknologi tidak dapat dipisahkan. Ia adalah wahyu Allah SWT yang diturunkan sebagai petunjuk, agar manusia dapat membezakan antara hak dengan batil. Teknologi ialah penemuan berdasarkan cerapan dan kajian dilakukan manusia”



Ismail Sabri Yaakob,
Perdana Menteri

yang lengkap dan terakhir kepada Baginda Rasulullah SAW bagi seluruh umat manusia di dunia supaya tunduk dan akur kepada Tuhan Yang Maha Esa.

“Al-Quran menganjur serta mendorong umat Islam agar menuntut ilmu, mempelajari, menganalisis dan menggunakan akal dikurniakan Allah SWT untuk dimanfaatkan,” katanya.

Perdana Menteri berkata, penularan wabak COVID-19 pada hujung 2019 banyak mengubah cara hidup Keluarga Malaysia kepada norma baharu, termasuk dalam aspek pengajaran dan pembacaan al-Quran yang kini menjadi lebih mudah.

“Seiring dengan teknologi dan keperluan umat Islam moden, al-Quran kini disediakan dalam pelbagai produk digital dan aplikasi perisian, malah ada aplikasi menyediakan tafsir dan doa pilihan. Semua hanya di hujung jari dan saya difahamkan sejak penularan COVID-19, pembelajaran al-Quran secara dalam talian makin mendapat tempat,” katanya.

Mengenai majlis berkenaan, beliau berharap semua pihak dapat mengambil manfaat daripada ayat dibacakan dan ibrah disampaikan 26 qari serta qariah yang sudah mempersembahkan bacaan mereka sejak Jumaat lalu.